

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 21 MAC 2024, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 5

---

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1531-L11043  
**Senator Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan bagaimanakah Kementerian berupaya merealisasikan transformasi ekosistem bekalan air bersih di kawasan luar bandar di seluruh negara dengan mengambil kira masalah pencemaran sungai dan air laut yang berpunca daripada pembuangan sisa toksik tidak terkawal oleh sektor perkilangan.
2. PN-1531-L10792  
**Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan sejauh manakah pelaksanaan pembangunan kelestarian alam sekitar yang selari dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) dapat memacu pertumbuhan ekonomi negara.
3. PN-1531-L11073  
**Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah timbul rungutan kekeliruan daripada ibu bapa dan tokoh akademik berhubung integriti Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dan keboleharapan Ujian Akhir Sesi Akademik (UASA), yang menyebabkan prestasi pelajar sukar untuk diberi intervensi dan pemantapan diri oleh ibu bapa.
4. PN-1531-L10803  
**Senator Tuan Manolan bin Mohamad** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada Kementerian melakukan pemantauan secara agresif terhadap longkang-longkang yang tersumbat disebabkan sampah sarap dan semak samun yang menyebabkan laluan air tidak lancar seterusnya mengakibatkan banjir kilat berlaku bagi menjalankan kerja-kerja pembersihan longkang.

5. PN-1531-L11429  
**Senator Datuk Bobbey Bin Suan** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk membina politeknik atau kolej komuniti baharu di kawasan luar bandar di Sabah bagi memenuhi keperluan belia mengikuti bidang pendidikan TVET sekaligus dapat menyediakan sumber tenaga separa mahir bagi mengisi keperluan industri pembuatan di Sabah.
  
6. PN-1531-L10701  
**Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan perkembangan terkini dalam kajian kebolehlaksanaan pembangunan tapak pelancaran ke angkasa lepas, serta kriteria-kriteria terbabit dalam mengenal pasti kebolehlaksanaan pembangunan tersebut.
  
7. PN-1531-L11012  
**Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah komitmen Kerajaan untuk menerima dan menguatkuasakan cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh pelbagai aktivis pertubuhan sivil dari pelbagai negara dalam Sesi Penilaian Berkala Sejangat Keempat Malaysia di Majlis Hak Asasi Manusia di Geneva.
  
8. PN-1531-L11224  
**Senator Dato' Haji Husain bin Awang** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan perkembangan mekanisme harga getah untuk kelangsungan hidup pekebun kecil (*Livelihood Rubber Price Mechanism*) yang diperkenalkan di peringkat antarabangsa dapat mengimbangi pasaran harga getah.
  
9. PN-1531-L11335  
**Senator Datuk Razali bin Idris** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan kesediaan Kementerian menaik taraf 22 Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN) dan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) menjadi Universiti Kemahiran Tinggi Belia Negara (UkTBN) seiring Revolusi Industri 4.0.
  
10. PN-1531-L10957  
**Senator Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status terkini tentang dasar mewajibkan pengajian Sekolah Menengah di negara ini dan bilakah ia akan dilaksanakan dengan sepenuhnya bagi mengelakkan keciciran para pelajar sekolah rendah (darjah 6).

11. PN-1531-L11176  
**Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan tindakan proaktif Kerajaan untuk memecahkan penumpuan pasaran (*market concentration*) berhubung isu kartel ayam, beras dan lain-lain selain penalti yang dikenakan oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC).
12. PN-1531-L10686  
**Senator Datuk Haji Aziz bin Ariffin** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah pelan jangka panjang bagi menangani isu yang dialami oleh pekerja sektor *e-hailing* terutamanya golongan belia yang kini banyak bergantung kepada sektor berkenaan dan tidak merugikan negara khususnya dalam sektor yang memerlukan tenaga kerja berkemahiran.
13. PN-1531-L10822  
**Senator Tuan Abun Sui Anyit** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan usaha-usaha Kementerian untuk melipatgandakan hasil pertanian padi bukit (padi huma) di Sarawak sehingga boleh dieksport dan kaum yang manakah masih giat melaksanakan pertanian ini serta berapakah jumlah pengeluaran padi dalam tan metrik.
14. PN-1531-L11256  
**Senator Tuan Musoddak bin Ahmad** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan pelan tindakan yang lebih agresif digerakkan oleh Kementerian bersama-sama Negara OIC dan sebagainya bagi menghentikan keganasan yang berterusan dilakukan oleh rejim Zionis ke atas rakyat Palestin.
15. PN-1531-L11303  
**Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.
16. PN-1531-L11021  
**Senator Dato' Sri Ti Lian Ker** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan pertimbangan semasa Kerajaan terhadap cadangan membenarkan graduan asing untuk bekerja di Malaysia dalam sektor tenaga mahir dan apakah inisiatif Kementerian bagi melipatgandakan bilangan tenaga mahir tempatan dalam tempoh lima tahun.

17. PN-1531-L10744  
**Senator Puan Susan Chemerai Anding** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah strategi sedia ada untuk memastikan wujudnya ketelusan dan integriti di dalam proses perolehan awam.
18. PN-1531-L10782  
**Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim** minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan apakah penambahbaikan dan pembaharuan dalam program yang dilaksanakan oleh *Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)* seperti program *Global Online Workforce (GLOW)*, eRezeki dan Digital eUsahawan.
19. PN-1531-L11314  
**Senator Datuk Razali bin Idris** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan faktor-faktor yang menyebabkan jumlah dagangan Malaysia menurun sebanyak 4.3 peratus kepada RM225.1 bilion pada Disember 2023 yang merekodkan kemerosotan untuk bulan ke-10 berturut-turut hampir sepanjang tahun lalu dan setakat mana fenomena penurunan eksport itu memberi kesan yang boleh menjejaskan kesejahteraan hidup sosioekonomi rakyat.
20. PN-1531-L10650  
**Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimanakah bentuk intervensi Kerajaan dalam pengagihan subsidi yang bersasar dalam bahan api dan lain-lain, sama ada melalui pemberian tunai atau mereka mendapat harga subsidi tertentu dalam setiap pembelian/penggunaan yang dibuat.
21. PN-1531-L10707  
**Senator Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) jumlah gelandangan yang terdapat di sekitar Kuala Lumpur yang memohon penginapan di rumah transit Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang direkodkan serta jumlah kos yang telah diperuntukkan bagi menanggung golongan gelandangan ini; dan
  - (b) pelan jangka masa panjang Kerajaan dalam menangani masalah gelandangan ini.

22. PN-1531-L11120

**Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah aduan termasuk jenis aduan yang telah diterima oleh Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis sejak ia dikuatkuasakan dan apakah tindakan yang telah diambil ke atas aduan-aduan tersebut.

23. PN-1531-L11054

**Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah usaha-usaha bagi menamatkan segera bebanan Kerajaan akibat ketirisan subsidi minyak diesel, minyak masak, gula, beras putih tempatan dan tepung gandum yang dinikmati secara meluas oleh warga asing.

24. PN-1531-L11265

**Senator Tuan Musoddak bin Ahmad** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang menambah keanggotaan daripada Majlis Agama Islam Negeri-Negeri dalam Jawatankuasa Khas yang mengkaji isu berkaitan dengan kompetensi Dewan Undangan Negeri (DUN) untuk menggubal undang-undang Islam.

25. PN-1531-L11371

**Senator Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada pelancong asing akan dikenakan cukai barangan mewah jika mereka berbelanja di Malaysia dan adakah mereka boleh menerima rebat daripada cukai ini.

26. PN-1531-L11032

**Senator Dato' Ajis bin Sitin** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan sejauh manakah kemajuan pindaan Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) sehingga sekarang.

27. PN-1531-L10774

**Senator Tuan Manolan bin Mohamad** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian untuk mengatasi masalah dan kesukaran yang dihadapi oleh para pekebun kecil Orang Asli bagi mendapatkan lesen Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) terutamanya di negeri Pahang kerana status tanah Orang Asli.

28. PN-1531-L10880  
**Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah punca utama Malaysia mencatatkan kemerosotan dalam purata pencapaian Matematik, Bahasa, dan Sains dalam Program Pentaksiran Pelajar Antarabangsa (PISA) 2022, sedangkan seluruh dunia juga menghadapi pandemik COVID-19.
29. PN-1531-L10758  
**Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah yang diambil untuk tidak mengenakan beban kepada tenaga akademik di universiti yang dituntut mendapatkan sejumlah dana tertentu menurut taraf mereka (Profesor, Profesor Madya dan Pensyarah Kanan) agar perhatian mereka lebih tertumpu pada tugas akademik.
30. PN-1531-L11228  
**Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah warganegara Malaysia yang memohon kewarganegaraan asing serta faktor-faktor tindakan tersebut diambil.
31. PN-1531-L10988  
**Senator Tuan Amir bin Md Ghazali** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha yang dilakukan oleh DBKL dalam *placemaking* warga asing memandangkan kehadiran warga asing di ibu kota dalam jumlah yang besar terutamanya ketika musim cuti umum boleh menyebabkan kacau ganggu pada warga kota.
32. PN-1531-L11276  
**Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan usaha-usaha yang sedang dijalankan Kementerian bagi memberikan literasi digital khususnya kesedaran dalam kes-kes penipuan digital, *scammer*, buli siber dan pornografi kepada wanita.
33. PN-1531-L11322  
**Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah banduan yang mendapat peluang pekerjaan melalui kerjasama strategik antara PERKESO dan Jabatan Penjara Malaysia.

34. PN-1531-L10754  
**Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan perkembangan pelantikan Atase Kebudayaan dan Pendidikan di kedutaan-kedutaan utama sedunia sebagai salah satu langkah untuk memenuhi Dasar Diplomasi Budaya yang diisytiharkan pada hujung tahun 2021.
35. PN-1531-L10646  
**Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan dasar penyelarasan dengan Kerajaan Negeri Perak dalam usaha perlombongan sumber unsur nadir bumi (REE) sebagai sumber ekonomi baharu negara.
36. PN-1531-L11159  
**Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan :-
- (a) usaha dan langkah yang diambil Kerajaan dan ASEAN dalam menghentikan isu kemanusiaan di Myanmar; dan
  - (b) persediaan Kerajaan untuk menjadi tuan rumah ASEAN pada tahun 2025.
37. PN-1531-L10904  
**Senator Dr. Lingeshwaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
- (a) statistik kadar kematian dan kes bulanan bagi penyakit COVID-19 untuk 12 bulan yang lepas; dan
  - (b) mengapakah Kerajaan masih belum bersedia untuk mengumumkan fasa endemik untuk COVID-19 jika kadar kematian dan kes bulanan semakin menurun.
38. PN-1531-L11150  
**Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan status pemeriksaan kos pengeluaran minyak kelapa sawit dan penelitian semula kadar levi keuntungan luar biasa yang telah diperkenalkan oleh pihak Kerajaan. Sejauh mana keperluan levi ini selaras dengan kos pengeluaran minyak kelapa sawit dalam keadaan pasaran semasa.

39. PN-1531-L10927

**Senator Tuan Amir bin Md Ghazali** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan bagaimanakah Kementerian mengatasi isu keselamatan pelancong di destinasi popular dan adakah Kementerian bercadang untuk mengkaji semula kadar harga lesen pemandu pelancong yang dilihat tinggi pada masa kini.

40. PN-1531-L10732

**Senator Tuan Seruandi bin Saad** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan sejauh mana pelaksanaan mekanisme pengelasan beras putih ini dapat memastikan harga beras putih ini terkawal terutamanya ketika musim perayaan dan ketika musim tengkujuh dan kemarau berlaku.

41. PN-1531-L11113

**Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan kaedah yang diguna pakai oleh Kementerian untuk memantau kempen promosi agar selari dengan objektif dan hala tuju Kementerian memandangkan HRD Corp telah melaksanakan banyak kempen promosi yang mendapatkan perhatian luas daripada awam dan industri.

42. PN-1531-L11106

**Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-

- (a) perancangan Kementerian untuk menggalakkan pemaju bagi membina rumah mampu milik di bandar selain daripada kondominium-kondominium mewah; dan
- (b) usaha yang dilakukan Kementerian untuk memastikan belia di bandar dapat memiliki rumah sendiri.

43. PN-1531-L10666

**Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan :-

- (a) langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan eksport produk tempatan ke pasaran antarabangsa; dan
- (b) adakah terdapat rancangan untuk memperluaskan rangkaian perjanjian perdagangan bebas dengan negara-negara lain.

44. PN-1531-L10809

**Senator Tuan Abun Sui Anyit** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-

- (a) adakah program perancang keluarga yang ada di Malaysia telah berjaya mencapai sasarannya untuk mengurangkan kadar kelahiran di Malaysia; dan
- (b) apakah kaum atau bangsa yang paling banyak mengikuti program ini serta peratusannya.

45. PN-1531-L10973

**Senator Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk mengkaji semula struktur gaji minima dengan mengambil kira tahap pelajaran dan kemahiran seseorang pekerja.

46. PN-1531-L11292

**Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan :-

- (a) peranan Kerajaan dalam menentukan hala tuju perfileman dan drama dalam negara; dan
- (b) tindakan yang diambil terhadap penerbit drama atau filem yang berani menampilkan penyampaian pemikiran yang bertentangan dengan nilai Islam dan budaya Malaysia serta memaparkan aksi-aksi *soft porn* secara terbuka.

47. PN-1531-L11358

**Senator Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah Kementerian dalam mengatasi masalah warga asing yang dikatakan tidak membayar bil rawatan sehingga menyebabkan jumlahnya menjadi begitu banyak yang perlu ditanggung oleh rakyat.

48. PN-1531-L10676

**Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan langkah-langkah yang diambil Kerajaan untuk melibatkan masyarakat dan pemimpin agama dalam memerangi penyebaran maklumat tidak benar dan apakah pendekatan yang diambil oleh Kerajaan dalam menangani penyebaran maklumat tidak benar yang berkaitan dengan agama di media sosial.

49. PN-1531-L10913

**Senator Dr. Lingeshwaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengapakah statistik pengambilan pelajar-pelajar ke Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil semakin menurun serta apakah langkah-langkah strategik yang diambil oleh Kementerian bagi mengatasi masalah ini.

50. PN-1531-L11344

**Senator Datin Ros Suryati binti Alang** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan kesediaan Kerajaan melancarkan kempen "Solar Rakyat" yang berteraskan insentif bersasar dalam usaha untuk menggalakkan penggunaan tenaga solar berskala mega dalam sektor kediaman di seluruh negara.

51. PN-1531-L11138

**Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) butiran kesemua cadangan pindaan perlembagaan berkaitan hak kewarganegaraan serta garis masa terkini untuk perkara ini dibentangkan di Parlimen; dan
- (b) penjelasan berkenaan cadangan pindaan tersebut berserta justifikasi dan implikasi kepada golongan terlibat dan obligasi antarabangsa Malaysia.

52. PN-1531-L11244

**Senator Dato' Haji Husain bin Awang** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan sejauh mana Platform Digital MyMall berupaya untuk meluaskan pasaran produk-produk perniagaan usahawan tempatan.

53. PN-1531-L11407

**Senator Datuk Noraini binti Idris** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendekatan Petronas Carigali Sdn. Bhd. dalam mengekang sebarang bentuk pecah amanah dan penyelewengan dalam kalangan kakitangan eksekutif khususnya di Bahagian Perolehan (*Procurement*) dan berapakah kadar emolumen bulanan terkini yang distrukturkan kepada eksekutif *junior* dan *senior* di bahagian tersebut.

54. PN-1531-L10869

**Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan status terkini projek menaik taraf Pasar Tamu Bintangor, Sarikei yang telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia ke-12 (RMKe-12).

55. PN-1531-L10937

**Senator Puan Noorita binti Sual** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) apakah komitmen Kementerian dalam membantu mengurangkan beban kerja guru; dan
- (b) apakah status cadangan pewujudan jawatan Pembantu Guru terutamanya bagi sekolah-sekolah yang mempunyai ramai pelajar.

56. PN-1531-L11386

**Senator Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan berapakah jumlah aliran masuk bersih pelaburan asing ke Malaysia dari tahun 2018 hingga tahun 2023.

57. PN-1531-L10979

**Senator Datuk Haji Aziz bin Ariffin** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah terdapat sebarang kajian yang telah atau bakal dilaksanakan oleh pihak Kementerian bagi menyemak semula jadual feri dari Kuala Perlis ke Pulau Langkawi serta menambah jumlah feri bagi memudahkan dan memberikan keselesaan terhadap pelancong serta masyarakat setempat khususnya ketika kecemasan.

58. PN-1531-L10887

**Senator Datuk Lim Pay Hen** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status cadangan untuk memasukkan kegiatan kokurikulum sukan renang di sekolah-sekolah Kerajaan khususnya sekolah yang terletak berdekatan dengan kompleks renang awam sebagai satu inisiatif mempertingkatkan aktiviti sukan tersebut di peringkat sekolah.

59. PN-1531-L10859

**Senator Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah Bin Aman** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapakah terdapat kelewatan pelaksanaan pertukaran kru dalam industri minyak dan gas di *Asian Supply Base*, Wilayah Persekutuan Labuan yang dijadualkan pada 1 April ini kerana difahamkan sistem tapisan imigresen masih belum tersedia.

60. PN-1531-L10631  
**Senator Tuan Michael Mujah Lihan** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tentang status pembinaan Hospital Sg. Asap, Belaga.
61. PN-1531-L11398  
**Senator Datuk Noraini binti Idris** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan kesinambungan yang direncanakan untuk merelevankan Program Lonjakan Mega Luar Bandar (PLMLB) di negeri Sabah dan bagaimanakah kesinambungan tersebut berupaya merapatkan jurang pendapatan aktif antara rakyat luar bandar dan bandar di negeri tersebut.
62. PN-1531-L11418  
**Senator Datuk Bobbey Bin Suan** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah Kerajaan tidak berhasrat menjemput Filipina untuk menubuhkan Konsulat Jeneral di Sabah seperti Brunei, Jepun, Indonesia dan lain-lain.
63. PN-1531-L11184  
**Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk membuat pinjaman dana daripada *Asian Monetary Fund (AMF)*.
64. PN-1531-L11094  
**Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah kes bunuh diri yang dilaporkan dalam tempoh 5 tahun kebelakangan ini dan apakah langkah yang diambil Kerajaan dalam menangani situasi ini.
65. PN-1531-L11001  
**Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan akan meninjau semula anggaran pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) 4.0 hingga 5.0 peratus pada tahun ini memandangkan pertumbuhan KDNK 3.7 peratus pada tahun 2023 adalah di bawah sasaran 4.0 hingga 5.0 peratus yang dianggarkan oleh Kerajaan.
66. PN-1531-L10939  
**Senator Dato' Sivaraj A/L Chandran** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan status terkini mengenai Memorandum Kerjasama (MoC) Jepun yang ditandatangani pada 26 Mei 2022 iaitu kerjasama antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Jepun berhubung penghantaran pekerja mahir Malaysia untuk bekerja di Jepun.

67. PN-1531-L10844

**Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah keputusan baru-baru ini berkaitan kebenaran penangguhan keputungan pelajar tajaan biasiswa JPA ini akan membuka ruang yang besar kepada isu *brain drain* dalam sektor profesional di negara kita.

68. PN-1531-L11286

**Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah keperluan katil yang diperlukan di Hospital Dungun serta adakah Kerajaan berhasrat menambah jumlah katil dalam penggal RMKe-12 ini.

69. PN-1531-L10641

**Senator Tuan Michael Mujah Lihan** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan usaha-usaha Kementerian untuk menghebahkan kesedaran awam berkaitan dengan Program Saringan Kesihatan atau *Health Screening Programme* untuk pencaerum PERKESO kerana ramai pencaerum luar bandar yang tidak tahu tentang program ini.

70. PN-1531-L11195

**Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan dalam meningkatkan Sistem Teknologi Pertanian Moden seperti Sensor Tanah dan Air, kecerdasan buatan (AI), Pertanian Vertikal, Teknologi Nano dan pertanian jitu (*precision farming*).

71. PN-1531-L11213

**Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah tegas Kerajaan dalam usaha mempertahankan dan memperkasakan Mahkamah Syariah.

72. PN-1531-L11083

**Senator Dato' (Dr.) Arman Azha bin Abu Hanifah** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tindakan yang diambil oleh Kementerian terhadap bebanan kos yang perlu ditanggung oleh Kementerian ke atas pesakit bukan warga negara yang tidak membayar kos rawatan di hospital seperti yang tular dan hangat diperkatakan baru-baru ini.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. **Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof** akan mencadangkan :-

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatunya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya :

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Ketiga, Parlimen Yang Kelima Belas.”

- **Menyambung semula Perbahasan atas masalah  
(20 Mac 2024)**

- |    |                  |   |                       |                                |
|----|------------------|---|-----------------------|--------------------------------|
| 2. | ( *D.R.41/2023 ) | Rang Undang-undang Kekebalan Bidang Kuasa Negara Asing 2023 |                       | <b>Bacaan Kali Kedua di DR</b> |
|    |                  | <b>[ Perdana Menteri ]</b>                                  |                       |                                |
| 3. | ( *D.R.4/2024 )  | Rang Undang-undang Tambahan (2023) 2024                     | Perbekalan            | <b>Bacaan Kali Kedua di DR</b> |
|    |                  | <b>[ Menteri Kewangan ]</b>                                 |                       |                                |
| 4. | ( *D.R.5/2024 )  | Rang Undang-undang (Penguntungan Semula Perbelanjaan) 2024  | Perbekalan Peruntukan | <b>Bacaan Kali Kedua di DR</b> |
|    |                  | <b>[ Menteri Kewangan ]</b>                                 |                       |                                |

5. \*( D.R.39/2023 ) Rang Undang-undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2023 **Bacaan Kali Kedua di DR**
- [ Menteri Pendidikan Tinggi ]**
6. \*( D.R.6/2024 ) Rang Undang-undang Polis (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Kedua di DR**
- [ Menteri Dalam Negeri ]**
7. ( D.R.40/2023 ) Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Pindaan) 2023 **Bacaan Kali Kedua dan Ketiga**
- [ Perdana Menteri ]**
8. \*( D.R.38/2023 ) Rang Undang-undang Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah (Pindaan) 2023 **Bacaan Kali Kedua di DR**
- [ Perdana Menteri ]**
9. \*( D.R.37/2023 ) Rang Undang-undang Lembaga Lebuh Raya Malaysia (Pemerbadanan) (Pindaan) 2023 **Bacaan Kali Kedua di DR**
- [ Menteri Kerja Raya ]**
10. \*( D.R.2/2024 ) Rang Undang-undang Juruukur Tanah Berlesen (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Kedua di DR**
- [ Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam ]**
11. \*( D.R.35/2023 ) Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2023 **Bacaan Kali Kedua di DR**
- [ Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam ]**

- |     |                 |  |                                     |
|-----|-----------------|--|-------------------------------------|
| 12. | *( D.R.1/2024 ) | Rang Undang-undang Perniagaan Perkhidmatan Wang (Pindaan) 2024 | <b>Bacaan Kali Kedua di DR</b>      |
|     |                 | <b>[ Menteri Kewangan ]</b>                                    |                                     |
| 13. | *( D.R.3/2024 ) | Rang Undang-undang Wang Tak Dituntut (Pindaan) 2024            | <b>Bacaan Kali Kedua di DR</b>      |
|     |                 | <b>[ Menteri Kewangan ]</b>                                    |                                     |
| 14. | *( D.R.7/2024 ) | Rang Undang-undang Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2024 | <b>Bacaan Kali Kedua di DR</b>      |
|     |                 | <b>[ Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup ]</b> |                                     |
| 15. | ( D.R.28/2023 ) | Rang Undang-undang Kecekapan dan Konservasi Tenaga 2023        | <b>Bacaan Kali Kedua dan Ketiga</b> |
|     |                 | <b>[Menteri Peralihan Tenaga Dan Transformasi Air ]</b>        |                                     |
| 16. | ( D.R.29/2023 ) | Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Pindaan) 2023             | <b>Bacaan Kali Kedua dan Ketiga</b> |
|     |                 | <b>[Menteri Peralihan Tenaga Dan Transformasi Air ]</b>        |                                     |

---

\*Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dipertimbangkan pada semua Peringkat oleh Dewan Negara tertakluk kepada Rang Undang-undang tersebut diserahkan oleh Dewan Rakyat.